

Info Zakat



EDARAN PERCUMA

PROGRAM SERAHAN SKIM KAFALAH MAHABBAH ZPP 2020

28 FEBRUARI 2020, Seberang Perai Tengah : Majlis serahan skim berkenaan telah diadakan di sekitar daerah Seberang Perai Tengah pagi ini. ZPP diketuai En. Amran Hazali, Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, turun ke 3 buah rumah bagi serahan terus kepada waris Mustaqiq (penerima zakat bulanan) dan Muzakki (pembayar zakat) yang telah meninggal dunia baru-baru ini. Setakat ini, ZPP telah menyalurkan sebanyak RM13,000 kepada 7 orang waris Mustaqiq dan 6 orang waris Muzakki yang telah meninggal dunia. Wang skim berkenaan telah dikreditkan terus ke akaun waris.

Skim Kafalah Mahabbah atau skim khairat kematian ini telah dilancarkan pada 31 Ogos 2019 oleh Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, TYT Tun Dato' Seri Utama Dr. Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas yang membolehkan waris Muzakki dan Mustaqiq menerima sumbangan RM1,000. Syarat bagi skim ini adalah pembayar (Muzakki) perlu membuat bayaran zakat sebanyak RM100 minimum setahun dan penerima bantuan bulanan zakat (Mustaqiq). Dengan adanya Skim Kafalah ini, diharap dapat membantu meringankan beban yang ditanggung oleh keluarga waris Muzakki dan Mustaqiq yang meninggal dunia.



PEMILIK FIRMA GUAMAN TUNAI ZAKAT HARTA

5 FEBRUARI 2020, Georgetown : Dato' Haji Ibrahim bin Abdul Rahman dari firma guaman IBRAHIM & KIM petang kelmarin berkunjung ke ZPP Cawangan Lebuh Buckingham bagi menunaikan ibadah zakat harta bagi tahun haul 2019. Zakat tersebut diterima sendiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, En Amran Hazali. Turut hadir bersama Dato' Haji Ibrahim adalah Tuan Haji Ameer Tajudin Abdul Wahab, mantan Ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang MAINPP.

Terima kasih atas kepercayaan berzakat bersama kami di ZPP serta bersama-sama membantu asnaf memerlukan. Semoga Allah mengurniakan rezeki yang penuh keberkatan atas zakat yang ditunaikan. Ameen.



MAJLIS SERAHAN GERAN MPDCA

19 FEBRUARI 2020, Seberang Jaya : Majlis yang dirasmikan oleh CEO Zakat Pulau Pinang, En. Amran Hazali ini telah dihadiri oleh guru-guru penyelaras program MPDCA dari sekolah rendah dan sekolah menengah yang terpilih. Pada tahun ini, sebanyak 99 buah sekolah terlibat dengan seramai 6,804 orang pelajar bakal menerima manfaat program MPDCA. Hal ini sekaligus menuntut komitmen seramai kira-kira 11,122 orang guru yang menjadi tenaga pengajar MPDCA. ZPP telah memperuntukkan sebanyak RM1.6 Juta untuk program tersebut.

En. Amran Hazali turut berkongsi maklumat berkenaan pengurusan zakat di Pulau Pinang pada tahun 2019. Kutipan zakat yang berjaya dikutip adalah melebihi RM121 juta sementara sejumlah RM111 juta telah berjaya diagihkan kepada asnaf. Turut hadir dalam majlis ini, En. Saiful Nizam Ramlee, Ketua Penolong Pengarah, Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang dan En. Muhammad Razif Embi, Penolong Pengarah Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang.





MAJLIS SERAHAN KUNCI RUMAH WAKAF

23 FEBRUARI 2020, Sungai Nibong : Majlis anjuran Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) bersama Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) ini telah berlangsung di perkarangan Pangsapuri Wakaf Siti dan Hajjah Norijah. Pangsapuri wakaf ini menempatkan sebanyak 77 buah unit rumah dan sebanyak 25 unit telah dikhaskan kepada Zakat Pulau Pinang untuk kegunaan asnaf yang layak. Setakat ini, 13 buah keluarga asnaf yang layak telahpun ditempatkan di pangsapuri wakaf ini. Keluarga asnaf di sini turut akan diberikan program-program pembangunan ekonomi dan rohani oleh Zakat Pulau Pinang. Sebagai contoh, mereka akan mengikuti kursus-kursus kemahiran, kursus perniagaan, kelas pengajian Al-Quran, kelas fardhu ain dan sebagainya. Ini bagi menjadikan mereka mampu berdikari serta keluar dari keluarga asnaf kepada keluarga yang mampu menunaikan zakat suatu hari nanti, Insya Allah.

Pangsapuri wakaf ini dibina atas sebidang tanah yang telah diwakafkan oleh seorang ibu dan anak yang telah memberi manfaat besar kepada umat Islam di negeri Pulau Pinang. Semoga umat Islam berlumba-lumba menjadikan amalan berwakaf sebagai salah satu cara memperbanyakkan amal soleh bagi meraih ganjaran pahala sedekah jariah yang tidak putus-putus daripada ALLAH SWT.





KUNJUNGAN KE IPSI

4 FEBRUARI 2020, Georgetown : Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, En Amran Hazali dan beberapa orang pegawai pagi tadi meluangkan masa menziarahi Islamic Propagation Society Centre (IPSI) di Argyl Road, Pulau Pinang. Kunjungan kami disambut mesra oleh Pengasas dan Presiden IPSI, Tuan Haji Kamarudin Abdullah dan pegawai-pegawai beliau. Selain mengeratkan silaturahim, kunjungan ini turut bertujuan meneroka kerjasama bagi menguatkan lagi ummah di negeri Pulau Pinang tercinta. Semoga umat Islam terus berganding bahu dan saling bekerjasama demi membantu asnaf yang memerlukan.





PELANCARAN SKIM SAKINAH

5 MAC 2020, Georgetown : Majlis yang berlangsung di Auditorium A Komtar ini merupakan penjenamaan semula Skim Potongan Zakat Bulanan (SPZB) yang telah dilaksanakan sejak awal penubuhan Zakat Pulau Pinang. Majlis telah diserikan dengan tazkirah yang disampaikan oleh Dato' Dr. Danial Zainal Abidin.

Penjenamaan semula ini bertujuan untuk memberi kemudahan serta menyemarakkan lagi pembayaran zakat pendapatan melalui potongan gaji bulanan oleh kakitangan awam dan swasta, sekaligus menambah jumlah kutipan zakat untuk diagihkan kepada asnaf yang memerlukan kelak. Dalam majlis ini, Anugerah Penghargaan Majikan turut diadakan dan disampaikan oleh YB Dato' Abdul Razak Bin Jaafar, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan disaksikan oleh Mufti Negeri Pulau Pinang, Sahibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Bin Wan Mohd Noor. 7 majikan yang terdiri dari sektor awam dan swasta dengan jumlah kakitangan tertinggi yang membuat potongan zakat bulanan kepada Zakat Pulau Pinang telah menerima anugerah tersebut. 7 majikan tersebut adalah Jabatan Akauntan Negara Cawangan Pulau Pinang, Jabatan Bendahari, Universiti Sains Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Pulau Pinang, KWSP Pulau Pinang, B.Braun Medical Industries Sdn Bhd dan Jabil Circuit Sdn Bhd.

Kami sangat menghargai sokongan anda semua kerana bersama kami selama ini dalam Skim Potongan Zakat Bulanan. Semoga dengan Skim Sakinah kali ini, lebih ramai asnaf yang memerlukan dapat kita bantu bersama.





PENGUMUMAN KADAR ZAKAT FITRAH NEGERI PULAU PINANG TAHUN 1441 HIJRAH 2020 MASIHI



9 APRIL 2020, Bukit Mertajam : Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang, YB Dato Ir. Hj Ahmad Zakiyuddin Bin Abdul Rahman telah mengumumkan bahawa dua kadar zakat fitrah telah ditetapkan bagi tahun 1441 Hijrah / 2020 Masihi iaitu RM7.00 dan RM16.00. Kadar ini telah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang dan diperkenankan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, selaku Ketua Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Dua kadar zakat fitrah ditetapkan pada tahun ini bagi memberi peluang kepada umat Islam di Pulau Pinang yang memiliki kelebihan dari segi kemampuan, menunaikan kewajipan membayar zakat fitrah mengikut kadar yang lebih tinggi iaitu RM16 seorang.

Pada tahun ini, jumlah kariah dan pusat kutipan yang dilantik oleh MAINPP adalah sebanyak 239 kariah dengan jumlah amil yang ditauliahkan seramai 1,755 orang di seluruh negeri Pulau Pinang. ZPP turut mengumumkan bahawa selain melalui amil dilantik, orang ramai boleh menunaikan zakat fitrah secara atas talian iaitu melalui SnapNpay, JomPAY, QR Code Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB), FPX di portal www.zakatpenang.com dan perbankan internet Maybank2u

TATACARA KHAS KADEAH BAYARAN ZAKAT FITRAH SECARA KONVENTSIONAL

**TATACARA KHAS PEMBAYARAN ZAKAT FITRAH 1441H
DI WAKTU PENULARAN WABAK COVID-19
[KAEDAH KONVENTSIONAL]
ZAKAT PULAU PINANG
MAJLIS AGAMA ISLAM PULAU PINANG**

TANGGUNG-JAWAB PEMBAYER

- Pastikan berada dalam keadaan sihat dan tidak mengalami sebarang gejala yang boleh dikaitkan dengan serangan virus Corona.
- Sekiranya berada di dalam keadaan yang tidak sihat atau mengalami gejala yang boleh dikaitkan dengan serangan virus corona seperti demam, batuk atau kesukaran bernafas, sila wakilkan kepada waris atau individu yang boleh dipercaya.
- Sentiasa memakai **face mask** semasa berurusan dengan Amil Zakat Fitrah.
- Membayar Zakat Fitrah di lokasi yang telah dimaksudkan oleh Majlis Kairiah mengikut jadual pembayaran yang diturut dan kepada Amil Zakat Fitrah yang dilantik secara sah oleh MAIIPP.

TANGGUNG-JAWAB AMIL ZAKAT FITRAH

- Pastikan berada dalam keadaan sihat dan tidak mengalami sebarang gejala yang boleh dikaitkan dengan serangan virus Corona.
- Amil Zakat Fitrah **TIDAK DIENARKAN** menerima Zakat Fitrah sekiranya berada di dalam keadaan yang tidak sihat atau mengalami gejala yang boleh dikaitkan dengan serangan virus corona seperti demam, batuk dan kesukaran bernafas.
- Sentiasa memakai **face mask** semasa berurusan dengan pembayar Zakat Fitrah.
- Kerap mencuci tangan menggunakan **hand sanitizer** berdasarkan alkohol atau membasuh tangan dengan sabun dan air bagi mencegahjangkitan COVID-19.

Nota : Tatacara di atas telah disemak dan disahkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang.

MAKLUMAT PENTING

Zakat Pulau Pinang menyediakan situasi semasa hari ini, amalan penjarakan sosial perlu diteruskan kerana ia amat penting bagi memutuskan rangkaian jangkitan Covid-19. Oleh itu, pada tahun ini, pembayaran Zakat Fitrah secara digital adalah **AMAT DIGALAKKAN** sebagai ikhtiar kita melawan penularan virus Corona. Maklumat lanjut mengenai perkara ini akan dipaparkan di platform-platform media sosial Zakat Pulau Pinang.

SELAMAT MENUNAIKAN ZAKAT DI BULAN RAMADAN AL-MUBARAK
“Semoga Allah membalsas (beri balasan yang baik) atas apa yang diberikan dan memberkati harta yang ditinggalkan dan menjadikannya harta yang bersih.”
www.zakatpenang.com

21 APRIL 2020, Bukit Mertajam : Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang baru-baru ini telah mengumumkan tatacara khas pembayaran zakat fitrah secara konvensional. Kaedah ini merupakan kaedah tradisi pembayaran zakat kepada amil, ZPP telah menyediakan tatacara khas yang memenuhi kehendak peraturan yang ditetapkan sepanjang tempoh PKP seperti penjarakan sosial dan larangan berkumpul. ZPP juga mengumumkan bahawa kaunter pandu lalu bakal dibuka di beberapa kariah yang berminat. Kaedah ini juga tertakluk kepada tatacara berkenaan. Walaupun demikian, ZPP menggalakkan masyarakat untuk menunaikan zakat harta dan fitrah secara dalam talian. Selamat, Cepat dan Efektif.

KERUSI RODA UNTUK SAUDARA JAMIL

27 APRIL 2020, Teluk Kumbar : Sejurus selepas ZPP menerima maklumat di facebook PenangKini, Team Peduli Asnaf sekali lagi bersama Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang (ZPP), En. Amran Hazali dan ADUN Bayan Lepas turun padang melawat saudara Mohd Jamil Mustafa, 36 tahun yang tinggal bersama ibunya yang tidak bekerja. Setelah kedua belah kakinya dipotong akibat penyakit kencing manis yang kronik, saudara Jamil tidak lagi dapat bekerja untuk menanggung keluarganya.

Saudara Jamil adalah penerima Bantuan Kewangan Bulanan dan Bantuan Kerusi Roda. Permohonan Bantuan Kaki Palsu beliau turut telahpun diluluskan ZPP sebelum ini. ZPP akan menyemak kembali keperluan saudara Jamil bagi menyalurkan bantuan tambahan di masa akan datang. Teruskan menyumbang di Zakat Pulau Pinang bagi membantu saudara Jamil serta ramai lagi saudara kita yang memerlukan di luar sana. Sumbangan zakat anda sangat bermakna buat mereka.



ZPP SALUR BANTUAN MAKANAN

28 April 2020, Georgetown : Ketua Pegawai Eksekutif, Zakat Pulau Pinang (ZPP), En. Amran Hazali turun padang melawat asnaf yang memerlukan bantuan. En. Azman Che Ani, 51 tahun, tinggal di rumah bersama isterinya dan tidak lagi mampu bekerja akibat penyakit yang dihadapi baru-baru ini. Dalam lawatan tersebut, ZPP telah menyerahkan hamper bantuan makanan dan juga lampin pakai buang untuk kegunaan En. Azman. Bantuan kewangan akan menyusul selepas ini.





AIDILFITRI YANG MENGGEMBIRAKAN ASNAF

18 MEI 2020, Penaga : Majlis serahan replika kunci rumah asraf telah berlangsung di Kampung Permatang Rawa, Penaga. Sebanyak 5 buah unit rumah telah diserahkan kepada asraf yang layak di kawasan tersebut. Majlis serahan telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang, YB Dato Ir Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd Rahman.

Rumah tersebut berkeluasan 800 kaki persegi, dilengkapi dengan kemudahan 3 bilik tidur, 1 bilik air dan 1 tandas. Rumah yang bernilai RM57,000 tersebut dibina buat asraf memerlukan hasil dari wang zakat yang disumbangkan melalui Zakat Pulau Pinang MAINPP. Objektif utama bantuan ini adalah untuk menyediakan tempat tinggal yang selesa kepada keluarga Asraf Fakir / Miskin dan juga sebagai salah satu penyelesaian masalah miskin tegar di negeri Pulau Pinang.



BAWA ASNAF PINDAH MASUK KE RUMAH SEWA BARU

Zakat Pulau Pinang (ZPP) dengan kerjasama KRT Apartmen Permata, Bandar Perda membantu sepasang suami isteri yang terpaksa tinggal di dewan KRT Apartmen Permata kerana menghadapi masalah bayaran sewa rumah sejak tempoh PKP bermula. ZPP mencari rumah sewa baru serta membantu memindahkan mereka masuk ke rumah tersebut bagi menyambut Aidil Fitri dengan lebih sempurna.

Hasil siasatan mendapati ketua keluarga ini mengidap penyakit usus dan limpa kronik yang mengakibatkan beliau tidak dapat bekerja tambahan pula dalam tempoh PKP. Dengan wang zakat sumbangan anda, ZPP akan membayarkan sewa rumah baru bernilai RM400 sebulan selama 6 bulan. ZPP turut meluluskan Bantuan Sarahidup sekaligus berjumlah RM700 buat mereka menyambut Aidil Fitri serta akan terus memantau keperluan mereka sehingga ketua keluarga ini sihat dan boleh bekerja kembali bagi menyara keluarga, Insyaallah. Kerja-kerja mengangkat barang keluarga asraf ini selesai kira-kira jam 11.30 malam.

Teruskan membantu mereka serta ramai lagi asraf di luar sana dengan berzakat di Zakat Pulau Pinang. Sumbangan anda amat bermakna buat mereka.



KEBAKARAN DI BALIK PULAU

Satu kebakaran telah berlaku pada 30 Mei 2020 lalu di Permatang Pasir, Balik Pulau. Kebakaran ini mengakibatkan 2 buah rumah yang musnah keseluruhannya. Salah sebuah rumah tersebut didiami keluarga asnaf penerima Bantuan Bina Rumah Zakat pada tahun 2007 yang juga merupakan penerima Bantuan Kewangan Bulanan bernilai RM300.00 sehingga kini. Zakat Pulau Pinang MAINPP (ZPP) segera menyalurkan bantuan kecemasan bernilai RM500.00 setiap keluarga dan bantuan susulan akan diproses secepat mungkin.

Terima kasih pembayar zakat. Zakat anda meringankan kesusahan mereka.



YUSOF TAIYOOB TUNAI ZAKAT PERNIAGAAN

20 MEI 2020, Georgetown : Syarikat pembekal kurma terkemuka di Malaysia, Yusof Taiyoob Sdn. Bhd. menunaikan zakat perniagaan mereka hari ini. Syarikat terkenal yang diasaskan sejak tahun 1988 itu menunaikan zakat perniagaan berjumlah RM 60,000.00 untuk tahun haul 2019. Zakat perniagaan tersebut diserahkan sendiri oleh pengasas dan Pengarah Urusan Yusof Taiyoob Sdn. Bhd., Datuk Seri Yusof Taiyoob. Zakat tersebut diterima oleh Pengurus Bahagian Dakwah Korporat, Zakat Pulau Pinang MAINPP, En. Mahroos Abdullah.

Terima kasih Yusuf Taiyoob Sdn. Bhd atas kepercayaan yang diberikan bagi kami terus membantu asnaf di negeri Pulau Pinang tercinta ini. Semoga Allah mengurniakan rezeki yang penuh keberkatan atas zakat yang ditunaikan. Ameen



ASNAF PERLU RM600 SEBULAN UNTUK PAMPERS DAN SUSU KHAS

Team Peduli Asnaf, Zakat Pulau Pinang (ZPP) keluar menziarahi sebuah keluarga asnaf yang perlu menjaga ayah yang terlantar akibat strok sejak Januari lalu. Dengan pendapatan tidak menentu, suami isteri dengan dua orang anak ini turut perlu membelikan susu khas dan pampers buat ayah mereka setiap bulan. Tertekan dengan kerja yang tidak menentu ketika Perintah Kawalan Pergerakan akibat Covid-19, keluarga ini turut perlu membayar sewa rumah dengan pelbagai tunggakan bil.

Terima kasih kerana terus berzakat di Zakat Pulau Pinang. Zakat anda akan meringankan kesusahan mereka serta ramai lagi pesakit asnaf setiap bulan, Insya Allah





1 JUN 2020, Sungai Ara : Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Bhd menunaikan zakat perniagaan berjumlah RM1,067,855.41 kepada Zakat Pulau Pinang MAINPP pagi tadi. Zakat Perniagaan tersebut diserahkan oleh Dato' Haji Mazlun Mustaffa, Ketua Pegawai Operasi, Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Bhd kepada Ketua Pegawai Eksekutif, Zakat Pulau Pinang MAINPP, En. Amran Hazali dalam satu majlis yang diadakan di Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Bhd.

Dalam majlis ringkas tersebut, turut dibincangkan ruang kerjasama yang boleh dijalin bagi membantu asnaf memerlukan. Semoga zakat yang ditunaikan dapat membantu lebih ramai asnaf yang memerlukan di negeri Pulau Pinang dan Allah memberikan balasan ganjaran keberkatan.



KEMPEN TAKSIR & BAYAR



ZAKAT PERNIAGAAN @ ZAKAT PULAU PINANG

hanya

2.5%

3 Manfaat
diperolehi:

1. KHAIRAT KEMATIAN
(SKIM KAFALLAH)
RM1000.00

**2. PREMIS ANDA
DALAM
DIREKTORI
WEBSITE ZAKAT**

**3. AGIHAN ZAKAT
ANDA
SEMPURNA**

KAMI BOLEH
HADIR KE PREMIS
ANDA

Untuk Kutip Zakat
Perniagaan Anda

Cara Bayaran

Online
Banking

8
Cawangan
ZPP

Kutipan
Di
Premis
"Terfikir
Tema & Syarat"

Bandar Perda . Butterworth . Kepala Batas .
Georgetown . Nibong Tebal . Bayan Baru .
Balik Pulau . Ayer Itam

Hubungi Kami : Pejabat : **04 - 548 5026** | Team Kutipan 1 - **013 - 455 5598**

Team Kutipan 2 - **018 - 388 2320** | Team Kutipan 3 - **013 - 437 1739**

"AMANAH UMMAH DIJAGA, HAK ASNAF DIBELA"

Skim KAFALAH MAHABBAH Zakat Pulau Pinang

Skim Khairat Kematian @ tabung sumbangan ikhlas yang diberikan kepada waris Pembayar Zakat (Muzakki) & Penerima Bantuan Bulanan Zakat (Mustahiq)

Syarat-syarat :

Muzakki : Membuat bayaran zakat harta minimum RM100.00 setahun

Mustahiq : Penerima bantuan bulanan zakat dari Zakat Pulau Pinang

Layak menerima RM1,000.00



Maklumat lanjut layari www.zakatpenang.com

“Zakat Pembina Ukuwwah, Pengukuh Khaira Ummah”



MAKLUMAN
BANTUAN NUR RAMADAN 1441H / 2020M
ZAKAT PULAU PINANG, MAINPP

Bantuan Nur Ramadan merupakan salah satu skim bantuan Zakat Pulau Pinang (ZPP) yang bertujuan untuk membantu dan meringankan beban golongan fakir dan miskin tegar serta memberikan kegembiraan sempena menyambut kedatangan Bulan Ramadhan Al-Mubarak

Bantuan Nur Ramadan (Kump. 1)	Bantuan Nur Ramadan (Kump. 2)	Penerima Bantuan Bulanan
(Penerima Bantuan Kewangan Sara Hidup & Bantuan Makanan)	(Terdiri daripada golongan asraf miskin yang diserahkan melalui permoholesan yang dibuat oleh beberapa pihak yang bekerjasama dengan ZPP)	(Bantuan Kewangan Sara Hidup & Bantuan Makanan)
Dikreditkan ke akaun penerima dengan amanah RM700.00 bagi sebuah keluarga	Pindahan wang ke akaun penerima akan dibuat dengan nilai bantuan sebanyak RM 65.00 iaitu sama dengan nilai barang makanan asas yang diberikan pada tahun sebelum ini	Bantuan disalurkan 5 hari lebih awal kepada semua penerima iaitu bermula 23 April 2020
3,148 Penerima RM 2,203,600.00	RM 1,200,000.00	RM 1,335,050.00

Bukan itu sahaja, pada pertengahan Ramadan ini juga lebih daripada 9,000 asraf fakir dan miskin akan menerima manfaat Bantuan Hari Raya yang melibatkan anggaran perbelanjaan sebanyak RM 4,079,050.00.

Maka dengan itu, jumlah keseluruhan agihan bagi skim bantuan yang dinyatakan sepanjang Bulan Ramadan adalah sebanyak **RM 8,817,700.00**.

*'Zakat Pembina Ukuwwah, Pengukuh Khaira Ummah'
Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibelia*

BANTUAN AWAL IPT
BAGI KEMASUKAN DALAM DAN LUAR NEGARA

ZAKAT PULAU PINANG MEMPERUNTUKKAN SEBANYAK
RM5 JUTA

ZAKAT PULAU PINANG

IJAZAH RM1000
DIPLOMA RM800
IPT LUAR NEGERA RM2000
SIJIL / ASASI MATEKULASI RM600

Amanah Ummah Dijaga
Hak Asnaf Dibelia

1. Terbuka untuk KEMASUKAN AWAL sahaja
2. Bawa surat tawaran ke IPT ketika hadir ke kaunter

zakatpenang 04-549 8088

Dapatkan borang di kaunter berdekatan, kami sedia membantu.

Kenapa kadar ZAKAT FITRAH 1441H ada 2 harga?

Kadar Zakat Fitrah Negeri Pulau Pinang berdasarkan ketetapan berikut:

A. RM7.00

Bagi kumpulan yang majoriti yang memakan Beras Super Spesial Tempatan 5%, Beras Super Spesial Tempatan 10%, Beras Tempatan Standard, Beras Tempatan Premium, Thai White Rice, Vietnam White Rice, Pakistan White Rice dan lain-lain yang setara.

B. RM16.00

Bagi kumpulan yang berpendapatan tinggi dan yang memakan jenis berkualiti tinggi seperti beras Wangi, Beras Basmuthi dan beras yang setara dengannya.

#bayarZakatFitrahOnline

ZAKAT KE ATAS i-LESTARI, KWSP

Zakat KWSP dikenakan zakat apabila cukup **nisab dan haul**. **i-Lestari** diwujudkan untuk membantu meringankan beban kewangan ahli yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Terdapat **2 Amalan Zakat Pulau Pinang** dalam menentukan kaedah bayaran zakat i-Lestari:

TIDAK PERLU DISEGERAKAN BAYARANNYA

Ini kerana terdapat syarat yang tidak dipenuhi untuk diwajibkan berzakat iaitu jumlah pengeluaran maksimum yang dibenarkan tidak mencukupi nilai nisab.

RM 500 X 12 Bulan = RM 6000.00
(*Nisab tahun 2020 = RM 15885.00*)



SEGERAKAN - HUKUMNYA HARUS

Bagaimanapun, sekiranya pembayar zakat ingin menyegerakan bayaran kerana bimbang akan terlupa, hukumnya adalah **HARUS**.



zakatpenang

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela

SIDANG REDAKSI

Penasihat

EN AMRAN BIN HAZALI
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
ZAKAT PULAU PINANG

Sidang Editor

MOHAMAD FUAD MD ISA
TIMBALAN KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF PENTADBIRAN

Ketua Editor

DR. HAJI MOHAMAD
SALLEH ABDULLAH
PENGURUS BESAR JABATAN
KHIDMAT PENGURUSAN

Editor

MOHAMAD FADZIL
BIN JAMALUDDIN

Jurugambar

AHMAD AZRUL
BIN HALIT /
MOHD HUSSEIN
BIN MOHD YASSEN



Zakat Pulau Pinang, No. 4, Jalan Perda Selatan, Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam



04-549 8088



04-530 6466



1-300-88-8808



admin@zakatpenang.com



www.zakatpenang.com



Zakat Penang



Zakat Penang